

## Permit memandu warga asing sah setahun

---

KUALA LUMPUR: Warga asing yang menetap di negara ini diberikan permit memandu dan ia hanya sah digunakan dalam tempoh setahun, kata Menteri Pengangkutan, Anthony Loke. Susulan itu, katanya, warga asing dikehendaki menduduki ujian dan mendapatkan lesen memandu Malaysia menggantikan permit berkenaan, bagi mengelak sebarang tindakan perundangan.

### Duduki Ujian

“Kementerian meminta kedutaan asing menguar-uarkan perkara ini kerana sering wujud salah tanggapan dalam kalangan warga asing yang ingin memandu bagi pelbagai tujuan khususnya bekerja di Malaysia.”Permit memandu yang diberi kepada warga asing hanya sah digunakan selama setahun dan selepas itu, mereka perlu menduduki ujian untuk mendapatkan lesen memandu sah di negara ini,” katanya pada sidang media selepas melawat Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Wilayah Persekutuan, di sini, semalam.

---

**SUMBER: BERITA HARIAN | M/S: 17 | 3 OKTOBER 2018**